



KEMENTERIAN PERUSAHAAN  
PERLADANGAN DAN KOMODITI

# BULETIN KOMODITI

EDISI APRIL 2021



“ Malaysia mempunyai bekalan sebanyak 19 juta tan sahaja dan minyak kita adalah premium, dengan pengeluaran daripada benih yang terbaik berbanding benih yang diguna pakai oleh negara lain ”

YB Dato' Dr. Mohd  
Khairuddin Aman Razali,  
Menteri Perusahaan  
Perladangan dan Komoditi





## ISI KANDUNGAN

**01 PASARAN SERANTAU HALA  
TUJU BAHARU MINYAK  
SAWIT MENTAH**

**04 MALAYSIA SENTIASA  
UTAMAKAN AMALAN  
BURUH BAIK DI SEKTOR  
AGROKOMODITI**

**05 SAWIT: SEKATAN SRI  
LANKA TAK JEJAS  
INDUSTRI KOMODITI  
NEGARA**

**07 KPPK, SABAH SEPAKAT  
PERKASA INDUSTRI  
AGRIKOMODITI HULUAN**

**08 AFGHANISTAN  
BERPOTENSI JADI  
'GERBANG EMAS' MINYAK  
SAWIT**

**09 PELUANG PEKERJAAN  
DALAM BIDANG PENUAIAN  
KELAPA SAWIT**



**02**

**PEKEBUN KECIL GETAH  
DISARAN TUBUH  
KOPERASI**



**03**

**TANAMAN BULUH  
BESAR-BESARAN:  
SYARIKAT MILIKI  
TANAH PERSENDIRIAN  
BOLEH MEMOHON**



**06**

**KERAJAAN SASAR  
EKSPORT COKLAT  
CECAH 2 BILION**



**10**

**KETSA, KPPK  
KERJASAMA TANGANI  
KRISI KEPUPUSAN  
HARIMAU MALAYA**

# PASARAN SERANTAU HALA TUJU BAHARU MINYAK SAWIT MENTAH

**K**UALA LUMPUR, 24 MAC 2021 - Permintaan terhadap minyak sawit mentah di pasaran serantau semakin meningkat dan berpotensi untuk dikembangkan, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali.

Beliau berkata, sudah tiba masanya Malaysia beralih tumpuan dan menetapkan hala tuju baharu terhadap potensi pasaran serantau untuk meningkatkan nilai keuntungan daripada harga minyak sawit mentah keluaran negara.

“Jika minyak sawit kita dipasarkan ke pasaran serantau, sudah cukup sebenarnya. Malaysia mempunyai bekalan sebanyak 19 juta tan sahaja dan minyak kita adalah premium, dengan pengeluaran daripada benih yang terbaik berbanding benih yang diguna pakai oleh negara lain.

“Permintaan semakin tinggi tetapi bekalan tidak mencukupi. Oleh itu, jika kita memasarkannya di rantau ini, saiz pasaran sudah begitu besar, dengan kebanyakan negara menunjukkan minat untuk mendapatkan bekalan daripada kita,” Ujar beliau lagi.

SUMBER: SINAR HARIAN





# PEKEBUN KECIL GETAH DISARAN TUBUH KOPERASI



SUMBER: UTUSAN



**B**ALING, 28 MAC 2021 - Pekebun-pekebun kecil getah di seluruh negara disaran menubuhkan koperasi pekebun kecil getah di kawasan masing-masing sebagai persediaan awal menjelang pelancaran Projek Transformasi Perusahaan Industri Getah (Target) dalam masa terdekat ini.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr. Mohd. Khairuddin Aman Razali berkata, penubuhan koperasi itu bagi membantu pekebun kecil getah memperkasakan pendapatan mereka.

“Projek terkini ialah projek transformasi getah yang boleh memberikan pendapatan lebih kepada pekebun-pekebun kecil getah melalui koperasi.

“Kita menyarankan pekebun-pekebun kecil getah segera menubuhkan koperasi bagi menghimpun dan menggabungkan pekebun kecil getah memperkasakan mereka dari sudut pendapatan agar menjadi lebih baik,” katanya.



# TANAMAN BULUH BESAR-BESARAN : Syarikat Miliki Tanah Persendirian Boleh Memohon

**P**AGOH, 30 MAC 2021 - Syarikat yang mempunyai tanah persendirian terbiar diharap memohon projek penanaman buluh secara besar-besaran.

Ketika ini hanya tiga daripada 10 syarikat tempatan sudah memulakan penanaman buluh di Bintulu Sarawak.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komodi Datuk Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali berkata, ketika ini tumpuan diberikan kepada tanah-tanah persendirian terbiar memandangkan terdapat kekangan untuk menanam buluh di hutan simpan kekal.

Kementeriannya menyediakan pinjaman mudah RM500 juta kepada pelbagai agensi berminat untuk penanaman buluh secara komersil.

SUMBER: BERITA RTM





# MALAYSIA SENTIASA UTAMAKAN AMALAN BURUH BAIK DI SEKTOR AGROKOMODITI



SUMBER: ASTRO AWANI

**K**UALA LUMPUR, 2 APRIL 2021 - Malaysia sentiasa mengutamakan serta mendukung amalan buruh yang baik termasuk di semua sektor agrikomoditi demi kebajikan semua pihak menerusi pemerkasaan setiap undang-undang yang melibatkan kebajikan pekerja.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali menegaskan, pendirian sedemikian sekali gus membuktikan komitmen Malaysia yang sememangnya menentang sebarang amalan buruh paksa.

Malah, katanya, komitmen Malaysia itu juga jelas menerusi Kajian Mengenai Situasi Buruh di Sektor Perladangan selama dua tahun yang siap pada 2020 hasil

kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Perangkaan dan wakil Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Selain itu, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) melalui Majlis Getah Malaysia dengan kerjasama Persatuan Pengilang Sarung Tangan Getah Malaysia dan Kementerian Sumber Manusia serta agensi berkaitan juga sentiasa mengawasi, memantau dan meningkatkan pihak industri untuk mengambil berat kebajikan pekerja di sektor agrikomoditi serta mematuhi undang-undang demi kemaslahatan (manfaat) bersama.



# SEKATAN SRI LANKA TAK JEJAS INDUSTRI KOMODITI NEGARA

SUMBER: BERITA HARIAN

**K**UALALUMPUR, 6 APRIL 2021 - Permintaan terhadap minyak sawit mentah di pasaran serantau semakin meningkat dan berpotensi untuk dikembangkan, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali.

Beliau berkata, sudah tiba masanya Malaysia beralih tumpuan dan menetapkan hala tuju baharu terhadap potensi pasaran serantau untuk meningkatkan nilai keuntungan daripada harga minyak sawit mentah keluaran negara.

“Jika minyak sawit kita dipasarkan ke pasaran serantau, sudah cukup sebenarnya. Malaysia mempunyai bekalan sebanyak 19 juta tan sahaja dan minyak kita adalah premium, dengan pengeluaran daripada benih yang terbaik berbanding benih yang diguna pakai oleh negara lain.

“Permintaan semakin tinggi tetapi bekalan tidak mencukupi. Oleh itu, jika kita memasarkannya di rantau ini, saiz pasaran sudah begitu besar, dengan kebanyakan negara menunjukkan minat untuk mendapatkan bekalan daripada kita,” Ujar beliau lagi.







SUMBER: BERITA HARIAN

# KERAJAAN SASAR EKSPORT COKLAT CECAH RM2 BILION

**M**ELAKA, 7 APRIL 2021 - Kerajaan menasarkankan nilai sumbangan eksport coklat negara meningkat dua kali ganda mencecah RM2 bilion pada tahun ini.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr. Mohd. Khairuddin Aman Razali berkata, nilai tersebut dianggap relevan selepas melihat kejayaan industri itu mencapai nilai eksport sebanyak RM1 bilion pada tahun lalu meskipun berdepan dengan cabaran pandemik Covid-19.

“Di bawah Rancangan Malaysia keduabelas (RMK-12), Program Pembangunan Usahawan Coklat dan Program Promosi Koko telah diperuntukkan sebanyak RM10 juta.

“Peruntukan ini merangkumi skop pengukuhan pasaran, promosi dalam dan luar negara, yang dijangka dapat membantu meningkatkan pasaran industri koko dan coklat negara, sekali gus meningkatkan jumlah eksport coklat negara,”katanya.



# KPPK, SABAH SEPAKAT PERKASA INDUSTRI AGRIKOMODITI HULUAN

SUMBER: DAILY EXPRESS

**K**UALA LUMPUR, 10 APRIL 2021 - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dan kerajaan negeri Sabah telah mencapai kata sepakat untuk memaju dan memperkasakan sektor agrikomoditi melibatkan buluh, koko, getah dan sawit di negeri itu, khususnya di peringkat hulu. Menteri, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali berkata kesepakatan itu dicapai dalam pertemuan antara beliau dan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Haji Mohd Noor di Kota Kinabalu, Sabah pada 5 April lepas.

Katanya KPPK dan kerajaan negeri berhasrat untuk mengembalikan kegemilangan Sabah sebagai pengeluar koko yang unggul dan dijangka dapat membantu rakyat di negeri tersebut untuk meningkatkan pendapatan mereka, lebih-lebih lagi selepas terkesan dengan pandemik Covid-19.

Katanya dalam sektor buluh, Sabah akan menyediakan tanah yang dikendalikan oleh salah sebuah anak syarikat kerajaan negeri manakala peranan KPPK ialah memadankan syarikat swasta berkaitan buluh di peringkat hiliran bagi melengkapkan kitaran pasaran komoditi.


Bersesuaian dengan jumlah pekebun getah di Sabah, Mohd Khairuddin berkata satu persetujuan konsensus telah dicapai membabitkan Projek Transformasi Perusahaan Getah (Target) yang bakal diperluaskan di negeri berkenaan khusus bagi penghasilan getah krip.

*“KPPK dan kerajaan negeri berhasrat untuk mengembalikan kegemilangan Sabah sebagai pengeluar koko yang unggul dan dapat membantu rakyat di negeri tersebut untuk meningkatkan pendapatan mereka”*

Katanya persefahaman dalam memperkasakan promosi kemampuhan dan kelestarian hutan menerusi Yayasan Pemuliharaan Hijau Sawit Malaysia (MPOGCF), sebuah yayasan di bawah agensi KPPK iaitu Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) turut dipersetujui.







SUMBER: PNBBC PORTAL

## AFGHANISTAN BERPOTENSI JADI 'GERBANG EMAS' MINYAK SAWIT

**K**UALA LUMPUR, 10 APRIL 2021 - Afghanistan berpotensi menjadi laluan pintu masuk atau 'gerbang emas' minyak sawit Malaysia ke pasaran Asia Tengah termasuk Turkmenistan, Uzbekistan, Kyrgyzstan dan Tajikistan serta negara lain di rantau tersebut.

Menurut Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), perkara itu dibincangkan oleh Menteri, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali dengan Duta Republik Islam Afghanistan ke Malaysia, Dr Mohib Rahman Spingar yang melakukan kunjungan hormat ke kementerian itu pada 8 April lalu.

Khairuddin berkata Afghanistan turut menyambut baik cadangan untuk mengimport lebih banyak minyak sawit Malaysia, termasuk potensi mengembangkan eksport komoditi itu secara langsung ke Afghanistan daripada 75,000 tan setahun pada masa ini kepada 150,000 tan setahun.

"Persefahaman itu sekali gus membuka lembaran baharu untuk pasaran minyak sawit Malaysia ke Asia Tengah dengan Afghanistan sebagai laluan 'Gerbang emas' ke negara lain rantau berkenaan, seperti Turkmenistan, Uzbekistan, Kyrgyzstan, Tajikistan dan sehingga ke Kazakhstan serta lain-lain negara menerusi dua Pelabuhan Chabahar di Iran," katanya dalam kenyataan, 10 April lalu.





# PELUANG PEKERJAAN DALAM BIDANG PENUAIAN KELAPA SAWIT

SUMBER: HARIAN METRO

**K**UALA TERENGGANU, 11 APRIL 2020 - Silap faham berhubung tangga gaji yang ditawarkan dalam bidang penuaian ladang kelapa sawit menyebabkan golongan muda tidak berminat untuk menyertai sektor berkenaan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali berkata, sebanyak 32,000 kekosongan jawatan masih belum diisi di seluruh negara di dalam bidang berkenaan.

"Ladang-ladang kelapa sawit kekurangan tenaga kerja dalam bidang penuaian dan ia perlu diisi tenaga kerja tempatan."Sekarang hanya lima peratus anak tempatan yang terlibat dalam bidang penuaian (kelapa sawit) itu berbanding orang asing.

"Kita utamakan orang tempatan untuk bekerja dan saya yakin pendedahan mengenai faedah dan tangga gaji yang diperolehi pekerja dalam bidang penuaian masih rendah," katanya ketika sidang media Program Malaysia Prihatin Peringkat Terengganu, di sini, 11 April yang lalu.



# KETSA, KPPK KERJASAMA TANGANI KRISIS KEPUPUSAN HARIMAU MALAYA

SUMBER: SINAR HARIAN



**T**ANJUNG MALIM, 12 APRIL 2021 - Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (KPPK) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi menjalin kerjasama menangani krisis kepupusan Harimau Malaya sekaligus meningkatkan imej industri sawit dalam aspek kemampunan. MoU berkenaan dimeterai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Semenanjung Malaysia bersama Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGCF).

MoU berkenaan dimeterai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Semenanjung Malaysia bersama Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGCF).

Khairuddin berkata, kerjasama strategik itu bukti bahawa kementerian sentiasa menjaga prinsip kemampunan dalam proses mengeluarkan minyak sawit negara termasuklah melibatkan penyahutan dan pemuliharaan haiwan spesies terancam.